Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"
BIL. ~~CMD:~~ JPAN: 700-3/501/24/1/( 21 )
Tolong sebutkan rujukan fail kami dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference in your reply to this letter)

JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 2/2012

## KAEDAH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BERDASARKAN JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM

1. **TUJUAN**

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pemberian Anjakan Gaji berdasarkan Jadual Gaji Minimum- Maksimum (JGMM) kepada pegawai yang telah melepasi tahap kompetensi pada Aras IV dalam Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan diluluskan pemberian Anjakan Gaji oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 3 Tahun 2012.

2. **LATARBELAKANG**

2.1 Mulai 1 Januari 2012, Kerajaan telah meluluskan supaya Sistem Saraan Malaysia (SSM) dikekalkan dengan struktur gaji Jadual Gaji Matriks (JGM) digantikan dengan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM). Keputusan tersebut dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/ 2012 mengenai Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).

2.2 Di bawah struktur gaji Jadual Gaji Matriks (JGM), seperti mana dijelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan), Anjakan Gaji ialah pergerakan gaji daripada mata gaji semasa kepada mata gaji di Tangga (T) berikutnya pada satu Peringkat (P) yang lebih tinggi. Bagi pegawai yang berada di mata gaji maksimum, Anjakan Gaji adalah pergerakan gaji daripada mata gaji semasa kepada mata gaji di Tangga (T) yang sama pada satu Peringkat (P) yang lebih tinggi.

2.3 Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan berasaskan struktur gaji Jadual Gaji Minimum-Maksimum(JGMM) terdapat keperluan untuk mengubah suai kaedah pemberian Anjakan Gaji berikutan struktur gaji JGMM tidak lagi memperuntukkan tangga gaji.



DADAH MEMBAWA SENGSARA DAN MAUT

P.K. 0054 (L) - 2011

3. **KAEDAH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BERASASKAN STRUKTUR GAJI JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM (JGMM)**

3.1 Pegawai yang melepasi tahap kompetensi pada Aras IV dalam Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada tahun 2010 atau tahun sebelumnya yang memenuhi syarat ditetapkan, Anjakan Gaji hendaklah diberi berdasarkan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2012 dan ditambah dengan perbezaan antara Anjakan Gaji Jadual Gaji Matriks dengan Pergerakan Gaji Biasa (PGB) di bawah SSM pada 31 Disember 2011. Formula, contoh pengiraan dan ilustrasi adalah seperti berikut:

**Formula dan Contoh Pengiraan**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Anjakan Gaji JGMM** | **=** | **KGT JGMM** | **+** | **[Perbezaan Anjakan Gaji JGM dengan PGB JGM pada 31 Disember 2011]** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Contoh Anjakan Gaji Bagi Pembantu Am Pejabat Gred N1 | = | RM80.00 | + | [RM89.83 - RM40.84] |
| | = | RM80.00 | + | [RM48.99] |
| | = | **<u>RM128.99</u>** | | |

**Ilustrasi Pemberian Anjakan Gaji**




3.2 Anjakan Gaji tidak diberi secara automatik kepada pegawai yang melepasi tahap kompetensi pada Aras IV dalam Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), sebaliknya pegawai adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan).

3.3 Pemberian Anjakan Gaji hendaklah diluluskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan diberikan pada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) pegawai.

3.4 Selaras dengan prinsip pergerakan gaji yang djelaskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2012, bagi pegawai yang Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) pada tahun 2012 adalah pada 1 Januari 2012 dan pegawai diluluskan Anjakan Gaji oleh PPSM, Anjakan Gaji tersebut hendaklah diberikan selepas pegawai diselaraskan kenaikan gaji mengikut Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 2/2012. Gaji pegawai yang berada di P1 hendaklah dipindahkan ke peringkat gaji P2 tertakluk kepada gaji maksimum P2. Bagi pegawai di gred lantikan yang gajinya berada di P2, gaji pegawai akan dipindahkan ke P3 tertakluk kepada gaji maksimum di P3.

3.5 Prinsip menggunakan kedudukan gaji pada 31 Disember 2011 bagi tujuan pengiraan Anjakan Gaji hendaklah terpakai bagi tujuan pemberian Anjakan Gaji pada tahun 2012 dan pada tahun-tahun seterusnya, pada mana-mana Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) yang pegawai layak.

3.6 Contoh pengiraan pemberian Anjakan Gaji bagi pegawai yang diluluskan Anjakan Gaji adalah seperti di jadual berikut:

| Bil | Contoh Pemberian Anjakan Gaji | Lampiran |
|---|---|---|
| 1. | Pada tahun 2012 | A hingga C |
| 2. | Pada Tahun 2013 | D hingga F |
| 3. | Pada Tahun 2014 | G dan H |
| 4. | Bagi Pegawai di Gaji Maksimun | I dan J |

3.7. Bagi Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang telah bersidang pada tahun 2012 tetapi tidak membuat keputusan mengenai pemberian Anjakan Gaji, Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) hendaklah bersidang semula bagi membuat keputusan mengenai pegawai yang layak diberi Anjakan Gaji pada tahun 2012.

## 4 TARIKH KUATKUASA

4.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah disifatkan berkuatkuasa mulai **1 Januari 2012**.

## 5. PEMAKAIAN

5.1 Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

## 6 PERTANYAAN

6.1 Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling Perkhidmatan ini boleh dirujuk ke Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**( SUKARTI BIN WAKIMAN )**
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
**KOTA KINABALU**

Tarikh: 15 Jun 2012

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
**88593 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
**88593 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit
Jabatan Audit
**88990 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah-Daerah Kecil

**Lampiran A**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2012

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | **Pemandu Kenderaan** |
| **Gred** | : | **Gred R3** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | : | **1 Januari** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | : | **RM80** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | : | **Tahun 2012** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM) (RM)</th><th>SSM (JGMM) (RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>823.94<br>(P1T4)</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>931.05<br>(P1)</td><td>Diberi pemindahan gaji 13%</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>1,060.04<br>(P2)<br><br>(931.05<br>+128.99)</td><td>TPG 2012 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011<br><br>P1T4 = RM823.94 (Gaji hakiki JGM)<br>P2T5 = RM913.77 (Anjakan Gaji JGM)<br><br><table><tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T4 ke P2T5</td><td>RM89.83<br>(a)</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa P1T4 ke P1T5</td><td>RM40.84<br>(b)</td></tr><tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM48.99<br>(c)</td></tr><tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM80.00<br>(d)</td></tr></table><br>Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM128.99</td></tr>
<tr><td>01.01.2013</td><td></td><td>1,140.04<br>(P2)</td><td>TPG 2013.</td></tr>
</table>

**Lampiran B**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2012

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | **Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)** |
| **Gred** | : | **N17** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | : | **1 Julai** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | : | **RM95** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | : | **Tahun 2012** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM) (RM)</th><th>SSM (JGMM) (RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>970.11<br>**(P1T4)**</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>1,096.22<br>**(P1)**</td><td>Diberi pemindahan gaji 13%</td></tr>
<tr><td>01.07.2012</td><td></td><td>1,248.73<br>**(P2)**<br><br>(1,096.22<br>+ 152.51)</td><td>TPG 2012 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>**Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011**<br><br>P1T4 = RM970.11 (Gaji hakiki JGM)<br>P2T5 = RM1,077.53 (Anjakan Gaji JGM)<br><br><table><tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T4 ke P2T5</td><td>RM107.42<br>(a)</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa P1T4 ke P1T5</td><td>RM49.91<br>(b)</td></tr><tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM57.51<br>(c)</td></tr><tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM95.00<br>(d)</td></tr></table><br>**Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM152.51**</td></tr>
<tr><td>01.07.2013</td><td></td><td>1,343.73<br>**(P2)**</td><td>TPG 2013.</td></tr>
</table>

**Lampiran C**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2012

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat** |
| **Gred** | : | **F32** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | : | **1 Oktober** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | : | **RM155** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | : | **Tahun 2012** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM)<br>(RM)</th><th>SSM (JGMM)<br>(RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>3,107.27<br>(P1T5)</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>3,511.22<br>(P1)</td><td>Pemberian kenaikan gaji 13%</td></tr>
<tr><td>01.10.2012</td><td></td><td>3,921.86<br>(P2)<br><br>(3,511.22<br>+ 410.64)</td><td>TPG 2012 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011<br><br>P1T5 = RM3,107.27 (Gaji hakiki JGM)<br>P2T6 = RM3,461.22 (Anjakan Gaji JGM)<br><br>
<table>
<tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T5 ke P2T6</td><td>RM353.95<br>(a)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa P1T5 ke P1T6</td><td>RM98.31<br>(b)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM255.64<br>(c)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM155.00<br>(d)</td></tr>
</table>
<br>Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM410.64</td></tr>
<tr><td>01.10.2013</td><td></td><td>4,075.86<br>(P2)</td><td>TPG 2013.</td></tr>
</table>

**Lampiran D**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2013

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | **Pembantu Am Pejabat** |
| **Gred** | : | **N1** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | : | **1 Januari** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | : | **RM80** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | : | **Tahun 2013** |

| Tarikh | SSM (JGM) (RM) | SSM (JGMM) (RM) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 31.12.2011 | 771.67 **(P1T4)** | | Gaji pegawai pada 31.12.2011. |
| 01.01.2012 | | 871.99 **(P1)** | Pemberian kenaikan gaji 13%. |
| 01.01.2012 | | 951.99 **(P1)** | TPG 2012. |
| 01.01.2013 | | 1,080.98 **(P2)**<br><br>(951.99 + 128.99) | TPG 2013 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>**Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011**<br><br>P1T4 = RM771.67 (Gaji hakiki JGM)<br>P2T5 = RM861.50 (Anjakan Gaji JGM)<br><br>1. Jumlah Anjakan Gaji P1T4 ke P2T5 — RM89.83 (a)<br>2. Pergerakan Gaji Biasa P1T4 ke P1T5 — RM40.84 (b)<br>3. Perbezaan (a) - (b) — RM48.99 (c)<br>4. KGT SSM (JGMM) — RM80.00 (d)<br><br>**Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM128.99** |
| 01.01.2014 | | 1,160.98 **(P2)** | TPG 2014. |

Lampiran E

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2013

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | **:** | **Pegawai Pertanian** |
| **Gred** | **:** | **G41** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | **:** | **1 April** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | **:** | **RM225** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | **:** | **Tahun 2013** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM) (RM)</th><th>SSM (JGMM) (RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>1,965.81<br>(P1T4)</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011.</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>2,221.37<br>(P1)</td><td>Pemberian kenaikan gaji 13%.</td></tr>
<tr><td>01.04.2012</td><td></td><td>2,446.37<br>(P1)</td><td>TPG 2012.</td></tr>
<tr><td>01.04.2013</td><td></td><td>2,782.67<br>(P2)<br><br>(2,446.37<br>+ 336.30)</td><td>TPG 2013 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011<br><br>P1T4 = RM1,965.81 (Gaji Hakiki JGM)<br>P2T5 = RM2,167.56 (Anjakan Gaji JGM)<br><br><table>
<tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T4 ke P2T5</td><td>RM201.75<br>(a)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa P1T4 ke P1T5</td><td>RM90.45<br>(b)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM111.30<br>(c)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM225.00<br>(d)</td></tr>
</table><br>Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM336.30</td></tr>
<tr><td>01.04.2014</td><td></td><td>3,007.67<br>(P2)</td><td>TPG 2014.</td></tr>
</table>

**Lampiran F**

# CONTOH PELARASAN PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2013

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | **Pekerja Awam** |
| **Gred** | : | **R1** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | : | **1 Januari** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | : | **RM80** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | : | **Tahun 2013** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM)<br>(RM)</th><th>SSM (JGMM)<br>(RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>770.03<br>(P1T4)</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011.</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>870.13<br>(P1)</td><td>Pemberian kenaikan gaji 13%.</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>950.13<br>(P1)</td><td>TPG 2012.</td></tr>
<tr><td>01.01.2013</td><td></td><td>1,079.12<br>(P2)<br><br>(950.13<br>+ 128.99)</td><td>TPG 2013 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011<br><br>P1T4 = RM770.03 (Gaji hakiki JGM)<br>P2T5 = RM859.86 (Anjakan Gaji JGM)<br><br><table>
<tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T4 ke P2T5</td><td>RM89.83<br>(a)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa P1T4 ke P1T5</td><td>RM40.84<br>(b)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM48.99<br>(c)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM80.00<br>(d)</td></tr>
</table><br>Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM128.99</td></tr>
<tr><td>01.01.2014</td><td></td><td>1,159.12<br>(P2)</td><td>TPG 2014.</td></tr>
</table>

**Lampiran G**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2014

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | **Pengawal Keselamatan** |
| **Gred** | : | **KP11** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | : | **1 April** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | : | **RM80** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | : | **Tahun 2014** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM) (RM)</th><th>SSM (JGMM) (RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>863.14<br>(P1T4)</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011.</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>975.35<br>(P1)</td><td>Pemberian kenaikan gaji 13%.</td></tr>
<tr><td>01.04.2012</td><td></td><td>1,055.35<br>(P1)</td><td>TPG 2012.</td></tr>
<tr><td>01.04.2013</td><td></td><td>1,135.35<br>(P1)</td><td>TPG 2013.</td></tr>
<tr><td>01.04.2014</td><td></td><td>1,264.34<br>(P2)<br><br>(1,135.35<br>+ 128.99)</td><td>TPG 2014 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011<br><br>P1T4 = RM863.14 (Gaji Hakiki JGM)<br>P2T5 = RM952.97 (Anjakan Gaji JGM)<br><br><table>
<tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T4 ke P2T5</td><td>RM89.83<br>(a)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa P1T4 ke P1T5</td><td>RM40.84<br>(b)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM48.99<br>(c)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM80.00<br>(d)</td></tr>
</table><br>Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM128.99</td></tr>
<tr><td>01.04.2015</td><td></td><td>1,344.34<br>(P2)</td><td>TPG 2015.</td></tr>
</table>

**Lampiran H**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2014

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | **:** | **Pembantu Belia dan Sukan** |
| **Gred** | **:** | **S22** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | **:** | **1 Julai** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | **:** | **RM115** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | **:** | **Tahun 2014** |

| Tarikh | SSM (JGM) (RM) | SSM (JGMM) (RM) | Catatan |
|---|---|---|---|
| 31.12.2011 | 2,115.08 **(P1T4)** | | Gaji pegawai pada 31.12.2011. |
| 01.01.2012 | | 2,390.04 **(P1)** | Pemberian kenaikan gaji 13%. |
| 01.07.2012 | | 2,505.04 **(P1)** | TPG 2012. |
| 01.07.2013 | | 2,620.04 **(P1)** | TPG 2013. |
| 01.07.2014 | | 2,936.21 **(P2)**<br>(2,620.04 + 316.17) | TPG 2014 dan diberi Anjakan Gaji.<br>**Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011**<br>P1T4 = RM2,115.08 (Gaji Hakiki JGM)<br>P2T5 = RM2,382.80 (Anjakan Gaji JGM)<br>1. Jumlah Anjakan Gaji P1T4 ke P2T5 — RM267.72 (a)<br>2. Pergerakan Gaji Biasa P1T4 ke P1T5 — RM66.55 (b)<br>3. Perbezaan (a) - (b) — RM201.17 (c)<br>4. KGT SSM (JGMM) — RM115.00 (d)<br>**Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM316.17** |
| 01.07.2015 | | 3,051.21 **(P2)** | TPG 2015. |

**Lampiran I**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG BERADA DIGAJI MAKSIMUM DAN DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2012

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | **:** | **Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)** |
| **Gred** | **:** | **N17** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | **:** | **1 Januari** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | **:** | **RM95** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | **:** | **Tahun 2012** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM)<br>(RM)</th><th>SSM (JGMM)<br>(RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>2,151.35<br>(P1T24)</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011.</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>2,431.03<br>(P1)</td><td>Pemberian kenaikan gaji 13%.</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>2,647.18<br>(P2)<br><br>(2,431.03<br>+ 216.15)</td><td>TPG 2012 dan diberi Anjakan Gaji.<br><br>Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011<br><br>P1T24 = RM2,151.35 (Gaji Hakiki JGM)<br>P2T24 = RM2,272.50 (Anjakan Gaji JGM)<br><table>
<tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T24 ke P2T24</td><td>RM121.15<br>(a)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa</td><td>Tiada<br>(b)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM121.15<br>(c)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM95.00<br>(d)</td></tr>
</table><br>Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM216.15</td></tr>
<tr><td>01.01.2013</td><td></td><td>2,662.93<br>(P2)</td><td>TPG 2013. Diberi mata gaji maksimum di P2.</td></tr>
</table>

**Lampiran J**

# CONTOH PEMBERIAN ANJAKAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG BERADA DI GAJI MAKSIMUM DAN DILULUSKAN ANJAKAN GAJI PADA TAHUN 2012

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | **Penolong Pegawai Tadbir** |
| **Gred** | : | **N32** |
| **Tarikh Pergerakan Gaji (TPG)** | : | **1 April** |
| **Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)** | : | **RM155** |
| **Diluluskan Anjakan Gaji** | : | **Tahun 2013** |

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>SSM (JGM)<br>(RM)</th><th>SSM (JGMM)<br>(RM)</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>31.12.2011</td><td>3,592.76<br>(P1T13)</td><td></td><td>Gaji pegawai pada 31.12.2011.</td></tr>
<tr><td>01.01.2012</td><td></td><td>4,059.82<br>(P1)</td><td>Pemberian kenaikan gaji 13%.</td></tr>
<tr><td>01.04.2012</td><td></td><td>4,214.82<br>(P1)</td><td>TPG 2012.</td></tr>
<tr><td>01.04.2013</td><td></td><td>4,575.51<br>(P2)<br><br>(4,284.82<br>+ 474.20<br>= 4,759.02)<br><br>Nota :<br>Walau bagaimanapun, tertakluk kepada Gaji Maksimum Gred N32 = 4,575.51</td><td>TPG 2013 dan diberi Anjakan Gaji tertakluk kepada mata gaji maksimum di P2.<br><br>Pengiraan Anjakan Gaji berdasarkan Gaji dan Anjakan Gaji pada 31.12.2011<br><br>P1T13 = RM3,592.76 (Gaji Hakiki JGM)<br>P2T13 = RM3,911.96 (Anjakan Gaji JGM)<br><br>
<table>
<tr><td>1.</td><td>Jumlah Anjakan Gaji P1T13 ke P2T13</td><td>RM319.20<br>(a)</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Pergerakan Gaji Biasa</td><td>Tiada<br>(b)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Perbezaan<br>(a) - (b)</td><td>RM319.20<br>(c)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>KGT SSM (JGMM)</td><td>RM155.00<br>(d)</td></tr>
</table>
<br>Jumlah Anjakan Gaji (c) + (d) = RM474.20</td></tr>
<tr><td>01.04.2014</td><td></td><td>4,575.51<br>(P2)</td><td>TPG 2014. Kekal pada mata gaji maksimum di P2.</td></tr>
</table>